



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**POTONGAN KHUSUS BAGI  
PERBELANJAAN KE ATAS  
SAHAM PERBENDAHARAAN**

**KETETAPAN UMUM NO. 9/2013**

**TARIKH KELUARAN: 27 JUN 2013**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**POTONGAN KHUSUS BAGI  
PERBELANJAAN KE ATAS  
SAHAM PERBENDAHARAAN**

**Ketetapan Umum No. 9/2013  
Tarikh Keluaran: 27 Jun 2013**

---

Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan pada 27 Jun 2013

Edisi pertama pada 27 Jun 2013

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan apa cara, termasuk fotokopi dan rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta. Kebenaran bertulis daripada penerbit hendaklah diperoleh sebelum mana-mana bahagian penerbitan ini disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula dalam sebarang bentuk.



<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka surat</b>
1. Objektif	1
2. Peruntukan Berkaitan	1
3. Interpretasi	1
4. Skim Saham Pekerja	1
5. Saham Perbendaharaan	2
6. Potongan Khusus Bagi Perbelanjaan Ke Atas Saham Perbendaharaan	2
7. Penentuan Potongan Khusus Bagi Perbelanjaan Ke Atas Saham Perbendaharaan	4
8. Ketidapkakaian Potongan Khusus	19
9. Untung Atau Rugi Ke Atas Pemindahan / Pelupusan Saham Perbendaharaan	19
10. Dokumen Yang Diperlukan	20
11. Glosari	21

#### **KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. **Objektif**

Objektif Ketetapan ini adalah untuk menerangkan potongan khusus yang dibenarkan ke atas kos yang dilakukan oleh syarikat dalam memperoleh saham perbendaharaan yang ditawarkan kepada pekerja di bawah skim saham pekerja.

2. **Peruntukan Berkaitan**

Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang berkaitan dengan Ketetapan ini adalah seksyen 2 dan 34D.

3. **Interpretasi**

Perkataan yang diguna pakai dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Saham” berhubung dengan sebuah syarikat, termasuk stok selain daripada stok debentur.
- 3.2 “Saham Perbendaharaan” bermaksud saham syarikat yang sebelum ini dikeluarkan tetapi telah dibeli semula, ditebus atau pun diperolehi oleh syarikat itu dan tidak dibatalkan.
- 3.3 “Syarikat” bermaksud suatu badan korporat dan termasuk badan orang yang ditubuhkan di bawah satu pengenalan yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah mana-mana undang-undang wilayah di luar Malaysia dan sebuah amanah perniagaan.

4. **Skim Saham Pekerja**

Pada umumnya, skim saham pekerja ditawarkan oleh syarikat untuk memupuk kesetiaan kakitangan dan mengekalkan kakitangan utama dalam organisasi, meningkatkan produktiviti dan motivasi pekerja ke arah prestasi yang lebih tinggi. Skim saham pekerja boleh diberikan sebagai ganti gaji atau sebagai sebahagian saraan berkaitan prestasi. Syarikat boleh memenuhi kewajipan mereka di bawah skim saham pekerja melalui penawaran saham baru atau dengan memperoleh saham perbendaharaan. Saham perbendaharaan boleh digunakan oleh syarikat itu untuk menawarkan Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP) atau skim *share award* kepada pekerja. Sila rujuk Ketetapan Umum No.11/2012 bertajuk Manfaat Skim Saham Pekerja untuk penjelasan mengenai skim tersebut.

Dalam konteks syarikat dalam kumpulan yang sama, adalah perkara biasa bagi syarikat induk untuk menawarkan SOSPnya sendiri atau skim *share award* kepada kakitangan anak syarikatnya di bawah skim saham pekerja kumpulan. Sebagai balasan kepada skim kumpulan yang meliputi pekerja mereka, syarikat subsidiari bersetuju untuk membayar kepada syarikat induk jumlah tertentu di bawah perjanjian caj semula antara kumpulan syarikat yang sama.

## **5. Saham Perbendaharaan**

Saham perbendaharaan boleh diterangkan dengan lanjut seperti berikut:

### **5.1 Belian semula atau penebusan saham syarikat yang tidak dibatalkan**

Sebuah syarikat awam yang memiliki modal saham, dibenarkan membeli sahamnya sendiri yang tidak dibatalkan dan memegang dalam perbendaharaan jika dibenarkan oleh artikel persatuannya. Pembelian yang dibuat hendaklah menerusi Bursa Saham di mana saham syarikat itu dibeli melalui sebut harga dan menurut peraturan yang ditetapkan oleh Bursa Saham.

Saham perbendaharaan juga termasuk saham yang ditebus oleh syarikat awam tersenarai daripada pemegang sahamnya.

### **5.2 Saham perbendaharaan syarikat induk dipindahkan kepada pekerja**

Syarikat induk boleh membeli semula atau menebus saham mereka sendiri dan memindahkan saham perbendaharaan ini kepada syarikat subsidiari untuk memenuhi tanggungjawab di bawah skim saham pekerja. Dalam kes seperti ini, syarikat subsidiari boleh terdiri daripada syarikat tidak tersenarai yang telah ditawarkan saham perbendaharaan oleh syarikat induknya.

### **5.3 Saham perbendaharaan juga diperoleh oleh syarikat induk**

Saham perbendaharaan juga boleh diperoleh oleh syarikat induk apabila saham perbendaharaan syarikat subsidiari dipindahkan kepada pekerja syarikat induk.

### **5.4 Saham perbendaharaan dibeli oleh Pengantara Kegunaan Khas (SPV) atau amanah**

Saham terbitan syarikat tersenarai di Bursa Saham yang dibeli oleh SPV atau amanah untuk diagihkan kepada pekerja syarikat subsidiari yang menerbitkan saham tersebut, tidak boleh dianggap sebagai saham perbendaharaan.

## **6. Potongan Khusus Bagi Perbelanjaan Ke Atas Saham Perbendaharaan**

### **6.1 Sebelum tahun taksiran 2013**

Kos bagi memperoleh saham syarikat sendiri (saham perbendaharaan) menerusi Bursa Saham bagi tujuan memenuhi tanggungjawab syarikat di bawah skim saham pekerja bukan merupakan perbelanjaan yang dibenarkan. Perlu diberi perhatian bahawa kos untuk memperoleh saham perbendaharaan tidak dilakukan sepenuhnya dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan syarikat dan oleh itu ianya tidak dibenarkan sebagai potongan perbelanjaan di bawah subseksyen 33(1) ACP 1967.

6.2 Mulai tahun taksiran 2013

Seksyen baru 34D ACP 1967 telah diperkenalkan untuk memberi potongan khusus ke atas kos yang dilakukan bagi memperoleh saham perbendaharaan oleh syarikat yang mempunyai punca perniagaan untuk memenuhi tanggungjawabnya di bawah skim saham pekerja. Masa untuk potongan kos dan kaedah pengiraan amaun yang boleh dibenarkan sebagai potongan diperuntukkan di bawah seksyen 34D ACP 1967.

Menurut *Malaysian Financial Reporting Standards 2 (MFRS 2)* berkenaan Pembayaran Berasaskan Saham, kos membeli semula saham syarikat di pasaran terbuka untuk memenuhi tanggungjawab di bawah skim saham pekerja adalah dicaj ke akaun untung rugi sebagai kos pekerja (kos ke atas skim saraan pekerja berasaskan ekuiti). Kos ini dilakukan bertujuan untuk mengekalkan pekerja tertentu dalam syarikat masing-masing dan ianya berbeza daripada pembayaran gaji. Pekerja adalah diperlukan untuk pengoperasian sesebuah syarikat. Oleh itu, pembayaran gaji adalah perlu untuk operasi dan untuk memperoleh keuntungan bagi sesebuah syarikat.

6.3 Kos saham perbendaharaan

Antara perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan saham perbendaharaan melalui Bursa Saham adalah:

- (a) caj broker dan komisen kepada broker dan caj Sistem Depositori Pusat (CDS),
- (b) duti setem, dan
- (c) kos faedah yang ditanggung untuk membiayai pembelian saham perbendaharaan yang bertujuan untuk digunakan oleh syarikat bagi memenuhi tanggungjawab di bawah skim saraan pekerja.

Perlu diambil perhatian bahawa faedah yang ditanggung untuk membiayai perolehan saham perbendaharaan untuk tujuan selain daripada memenuhi tanggungjawab di bawah skim saraan pekerja tidak termasuk dalam kos saham perbendaharaan.

Bagi tujuan cukai, perbelanjaan di atas perlu dimasukkan sebagai kos pembelian saham perbendaharaan dalam tahun pembelian dibuat. Jika perbelanjaan di atas dituntut dalam akaun untung rugi, pelarasan cukai yang sewajarnya perlu dibuat.

**7. Penentuan Potongan Khusus Bagi Perbelanjaan Ke Atas Saham Perbendaharaan**

**7.1 Potongan khusus**

Dalam menentukan pendapatan larasan syarikat daripada punca perniagaan bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, potongan khusus adalah dibenarkan daripada pendapatan kasar bagi tempoh itu apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat dalam memperoleh saham perbendaharaan [subseksyen 34D(1) ACP 1967].

**7.2 Amaun potongan**

Amaun potongan yang dibenarkan daripada pendapatan kasar syarikat adalah ditentukan seperti berikut:

	RM
Kos memperoleh saham perbendaharaan yang dipindahkan kepada pekerja	XX
Tolak:	
Amaun yang dibayar oleh pekerja untuk saham perbendaharaan	<u>XX</u>
Amaun potongan yang dibenarkan	<u>XX</u>

**7.3 Masa untuk potongan kos bagi saham perbendaharaan**

Masa untuk potongan kos yang dilakukan oleh syarikat dalam memperoleh saham perbendaharaan yang akan dipindahkan kepada pekerja di bawah skim saham pekerja wujud apabila kesemua syarat berikut dipenuhi:

- (a) Syarikat melakukan kos untuk saham perbendaharaan yang digunakan untuk manfaat pekerja

Kebiasaannya, saham perbendaharaan dianggap telah dilaksanakan untuk manfaat pekerja apabila saham perbendaharaan terletak kepada pekerja di bawah skim saham pekerja. Ianya ditentukan seperti berikut.

<b>Jenis Skim Saham</b>	<b>Bilakah Saham Terletak?</b>
Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP)	Tarikh pekerja melaksanakan opsyen
<i>Share Award</i> (terletak dengan syarat)	Tarikh saham terletak
<i>Share Award</i> (terletak tanpa syarat)	Tarikh saham ditawarkan

- (b) Pekerja melaksanakan haknya untuk memperoleh saham perbendaharaan [perenggan 34D(2)(b) ACP 1967]

Potongan dibenarkan kepada syarikat dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran apabila pekerja melaksanakan SOSP untuk memperoleh saham perbendaharaan.

- (c) Syarikat memindahkan saham perbendaharaan yang dipegang olehnya kepada pekerja apabila pekerja memperoleh kepentingan hak dan manfaat dalam saham perbendaharaan [subseksyen 34D(6) ACP 1967]

Pekerja boleh memperoleh kepentingan hak dan manfaat dalam saham perbendaharaan apabila saham terletak hak ke atas pekerja. Syarikat dibenarkan potongan ke atas kos saham perbendaharaan yang diperoleh apabila -

- (i) kepentingan hak dan manfaat dalam saham perbendaharaan telah diperolehi oleh pekerja, dan
- (ii) syarikat itu memindahkan saham perbendaharaan yang dipegang olehnya kepada pekerja.

- 7.4 Penentuan kos saham perbendaharaan yang dipindahkan di bawah skim saham pekerja

Sebuah syarikat boleh memperoleh saham perbendaharaan pada harga yang berbeza dan masa yang berbeza. Kos memperoleh saham perbendaharaan yang kemudiannya dipindahkan kepada pekerja syarikat di bawah skim saham akan ditentukan berdasarkan kos yang diperolehi dahulu [berdasarkan kaedah **First-In First-Out** (FIFO)].

- 7.5 Ilustrasi berikut menunjukkan masa untuk potongan kos dan pengiraan kos saham perbendaharaan yang dibenarkan sebagai potongan mengikut kaedah FIFO.

#### Contoh 1

Jaya (M) Bhd (menutup akaun pada 31 Disember) memperoleh saham perbendaharaan seperti berikut:

Tarikh Dibeli	Bilangan Saham Perbendaharaan Yang Diperoleh	Harga Seunit Saham (RM)
13.02.2013	20,000	3.00
15.05.2013	50,000	2.00
21.12.2013	10,000	3.00



Jaya (M) Bhd menawarkan kepada pekerjajnya saham di atas pada tarikh seperti berikut:

<b>Tarikh Tawaran Opsyen Dan Tarikh Pekerja Melaksanakan Opsyen</b>	<b>Bilangan Saham Dilaksanakan</b>	<b>Kos Seunit Saham Yang Dilaksana (RM)</b>	<b>Amaun [Kos Kepada Pekerja] (RM)</b>
15.07.2013	30,000	1.00	30,000
01.08.2013	25,000	1.50	37,500
25.09.2013	5,000	3.00	15,000
30.10.2013	10,000	2.50	25,000
25.12.2013	5,000	0.50	2,500

**Kaedah Pengiraan**

- (a) Penentuan masa untuk potongan kos dan amaun potongan yang dibenarkan bagi perbelanjaan ke atas saham perbendaharaan yang diperoleh untuk skim saham pekerja

Masa Untuk Potongan Kos	Tarikh Dilaksana –	
	15.07.2013	
	01.08.2013	
	25.09.2013	
	30.10.2013	
	25.12.2013	
(Potongan dibenarkan untuk tahun taksiran 2013)		
Amaun Potongan Yang Dibenarkan	<b>Pelaksanaan Opsyen Pada 15.7.2013</b>	
	Kos bagi 20,000 saham diperoleh pada 3.2.2013	60,000
	Kos bagi 10,000 saham diperoleh pada 15.5.2013	<u>20,000</u>
	Kos bagi 30,000 saham dipindahkan pada 15.7.2013	80,000
	Tolak:	
	Harga laksana yang kena dibayar oleh pekerja	<u>30,000</u>
Potongan dibenarkan	<u>50,000</u>	

<b>Pelaksanaan Opsyen Pada 1.8.2013</b>	
Kos bagi 25,000 saham diperoleh pada 15.5.2013	<u>50,000</u>
Kos bagi 25,000 saham dipindahkan pada 1.8.2013	50,000
Tolak:	
Harga laksana yang dibayar oleh pekerja	<u>37,500</u>
Potongan dibenarkan	<u>12,500</u>
<b>Pelaksanaan Opsyen Pada 25.9.2013</b>	
Kos bagi 5,000 saham diperoleh pada 15.5.2013	<u>10,000</u>
Kos bagi 5,000 saham dipindahkan pada 25.9.2013	10,000
Tolak:	
Harga laksana yang dibayar oleh pekerja	<u>15,000</u>
Potongan dibenarkan	<u>Tiada</u>
Lebihan sebanyak RM5,000 (RM15,000 - RM10,000) dikreditkan ke suatu akaun yang perlu disimpan oleh syarikat untuk tujuan seksyen 34D, ACP 1967.	
<b>Pelaksanaan Opsyen Pada 30.10.2013</b>	
Kos bagi 10,000 saham diperoleh pada 15.5.2013	<u>20,000</u>
Kos bagi 10,000 saham dipindahkan pada 30.10.2013	20,000
Tolak:	
Harga laksana yang dibayar oleh pekerja	<u>25,000</u>
Potongan dibenarkan	<u>Tiada</u>
Lebihan sebanyak RM5,000 (RM25,000 - RM20,000) dikreditkan ke akaun tersebut di atas.	
<b>Pelaksanaan Opsyen Pada 25.12.2013</b>	
Kos bagi 5,000 saham diperoleh pada 21.12.2013	<u>15,000</u>
Kos bagi 5,000 saham dipindahkan pada 25.12.2013	15,000
Tolak:	
Harga laksana yang dibayar oleh pekerja	<u>2,500</u>
Tolak:	<u>12,500</u>
Amaun dalam akaun	<u>10,000</u>
Potongan dibenarkan	<u>2,500</u>
Jumlah potongan yang dibenarkan bagi TT 2013 (50,000 + 12,500 + 2,500)	65,000

- (b) Ringkasan kos saham perbendaharaan yang dilakukan oleh syarikat berdasarkan kaedah FIFO

Tarikh Pekerja Melaksanakan Opsyen	Unit	Kos Saham Kepada Majikan			
		Tarikh Saham Dibeli	Unit	Amaun / Kos Seunit Saham (RM)	Baki Unit Yang boleh Ditawarkan
15.07.2013	30,000	13.2.2013	20,000	3.00 (60,000)	Nil
		15.5.2013	<u>10,000</u> <u>30,000</u>	2.00 <u>(20,000)</u> <u>(80,000)</u>	40,000 (50,000 - 10,000)
01.08.2013	25,000	15.5.2013	<u>25,000</u> <u>25,000</u>	2.00 <u>(50,000)</u> <u>(50,000)</u>	15,000 (40,000 - 25,000)
25.09.2013	5,000	15.5.2013	<u>5,000</u> <u>5,000</u>	2.00 <u>(10,000)</u> <u>(10,000)</u>	10,000 (15,000 - 5,000)
30.10.2013	10,000	15.5.2013	<u>10,000</u> <u>10,000</u>	2.00 <u>(20,000)</u> <u>(20,000)</u>	Tiada (10,000 - 10,000)
25.12.2013	5,000	21.12.2013	<u>5,000</u> <u>5,000</u>	3.00 <u>(15,000)</u> <u>(15,000)</u>	5,000 (10,000 - 5,000)

- (c) Ringkasan perbelanjaan yang boleh dibenarkan kepada syarikat ke atas saham perbendaharaan untuk tahun taksiran 2013 di bawah Seksyen 34D ACP 1967

Tarikh Pekerja Melaksanakan Opsyen	Kos Saham Perbendaharaan (RM) [A]	Bayaran Oleh Pekerja (RM) [B]	Perbelanjaan Dibenarkan (RM) [C]	Akaun <sup>1</sup>
15.07.2013	80,000	30,000	50,000	Tiada
01.08.2013	50,000	37,500	12,500	Tiada
25.09.2013	10,000	15,000	Tiada	5,000
30.10.2013	20,000	25,000	Tiada	5,000
25.12.2013	15,000	2,500	2,500	(10,000)
Jumlah	175,000	110,000	65,000	Tiada

<sup>1</sup>Akaun perlu disimpan oleh syarikat untuk merekodkan lebih daripada bayaran yang telah dibuat oleh pekerja yang melaksanakan opsyen. Amaun dalam akaun tersebut akan digunakan untuk mengurangkan kos saham perbendaharaan di masa akan datang. Rujuk perenggan 7.6 di bawah untuk keterangan lanjut.

7.6 Layanan ke atas lebih amaun yang kena dibayar oleh pekerja bagi saham perbendaharaan

(a) Akaun

Dalam kes di mana amaun kena dibayar oleh pekerja bagi saham perbendaharaan yang dipindahkan melebihi kos yang dilakukan oleh syarikat dalam memperoleh saham perbendaharaan yang dipindahkan, lebih tersebut hendaklah dikreditkan ke suatu akaun yang perlu disimpan oleh syarikat. Lebih yang dikreditkan ke dalam akaun ini akan digunakan untuk mengurangkan kos saham perbendaharaan yang akan dipindahkan kepada pekerja seterusnya. Kos kepada syarikat itu akan dikurangkan –

(i) kepada sifar, jika baki dalam akaun khas adalah sama atau melebihi kos,

(ii) dengan baki dalam akaun, jika baki kurang daripada kos,

dan amaun pengurangan itu didebitkan ke akaun tersebut.

(b) Tiada potongan kepada syarikat

Tiada potongan kepada syarikat dalam kes di mana amaun yang kena dibayar oleh pekerja untuk saham perbendaharaan yang dipindahkan kepadanya melebihi kos yang dilakukan oleh syarikat untuk memperoleh saham perbendaharaan.

(c) Lebih amaun yang kena dibayar tidak dikenakan cukai

Lebih amaun yang kena dibayar oleh pekerja ke atas kos saham perbendaharaan yang dilakukan oleh syarikat tidak dikenakan cukai.

## **Contoh 2**

Fakta adalah sama seperti di Contoh 1.

Layanan ke atas amaun lebih yang dibayar oleh pekerja yang disimpan dalam akaun untuk mengurangkan kos saham perbendaharaan di bawah kaedah FIFO adalah seperti berikut:

Tarikh	Transaksi	RM	Akaun (RM)
15.07.2013	Kos saham perbendaharaan Tolak: Amaun dibayar oleh pekerja Perbelanjaan dibenarkan Baki ke akaun	80,000 <u>(30,000)</u> 50,000	Tiada
01.08.2013	Kos saham perbendaharaan Tolak: Amaun dibayar oleh pekerja Perbelanjaan dibenarkan Baki ke akaun	50,000 <u>(37,500)</u> 12,500	Tiada
25.09.2013	Kos saham perbendaharaan Tolak: Amaun dibayar oleh pekerja  Perbelanjaan dibenarkan Baki ke akaun	10,000 <u>(15,000)</u> (5,000) <u>Nil</u>	5,000
30.10.2013	Kos saham perbendaharaan Tolak: Amaun dibayar oleh pekerja  Perbelanjaan dibenarkan Baki ke akaun Jumlah dalam akaun	20,000 <u>(25,000)</u> (5,000) <u>Nil</u>	5,000 <u>10,000</u>
25.12.2013	Kos saham perbendaharaan Tolak: Amaun dibayar oleh pekerja  Tolak: Amaun daripada akaun Perbelanjaan dibenarkan Baki dalam akaun	15,000 <u>(2,500)</u> 12,500 <u>(10,000)</u> 2,500	(10,000) Tiada
	Jumlah amaun dalam akaun		Tiada

- (a) Jumlah perbelanjaan dibenarkan kepada syarikat untuk tahun taksiran 2013 adalah RM65,000 (50,000 + 12,500 + 2,500).
- (b) Akaun ini hanya terpakai dalam keadaan di mana syarikat membeli semula saham mereka dan menawarkan kepada pekerja. Syarikat subsidiari yang membayar kepada syarikat induk kos untuk memperoleh saham perbendaharaan tidak perlu menyimpan akaun sedemikian seperti yang disebut di perenggan 7.6 (a) di atas.

- 7.7 Masa untuk potongan kos dan jumlah potongan yang dibenarkan ke atas amaun yang dicaj semula oleh syarikat induk bagi saham yang dipindahkan kepada pekerja syarikat subsidiari

Jika syarikat induk membeli semula saham sendiri untuk dipindahkan kepada pekerja syarikat subsidiari di bawah skim saham pekerja, syarikat subsidiari dibenarkan potongan ke atas -

	RM
Kos yang dicaj semula kepadanya oleh syarikat induk, atau Kos memperoleh saham perbendaharaan oleh syarikat induk, yang mana rendah	XX
Tolak: Amaun yang dibayar oleh pekerja untuk saham perbendaharaan	XX
Potongan yang dibenarkan	XX

Potongan adalah dibenarkan pada tarikh saham dipindahkan atau pada tarikh pembayaran dibuat kepada syarikat induk oleh syarikat subsidiari, yang mana terkemudian. Potongan untuk kos caj semula yang dibenarkan adalah dijelaskan seperti di bawah.

- (a) Syarikat induk tidak caj semula ke atas syarikat subsidiari

- (i) Tiada potongan dibenarkan kepada syarikat induk

Kos yang dilakukan oleh syarikat induk dalam membeli semula saham mereka sendiri yang dipindahkan kepada pekerja syarikat subsidiari adalah tidak kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan syarikat induk. Oleh itu, jika syarikat induk tidak caj semula ke atas syarikat subsidiari bagi saham perbendaharaan yang dipindahkan kepada pekerja subsidiarinya, potongan tidak dibenarkan kepada syarikat induk bagi kos saham yang dipindahkan.

- (ii) Tiada potongan dibenarkan kepada syarikat subsidiari

Jika kos di bawah skim saham bagi saham perbendaharaan syarikat induk yang dipindahkan kepada pekerja syarikat subsidiarinya tidak dicaj semula oleh syarikat induk, syarikat subsidiari tidak layak menuntut potongan bagi saham perbendaharaan kerana syarikat subsidiari tidak melakukan apa-apa kos untuk saham tersebut.

- (b) Syarikat induk mencaj semula ke atas syarikat subsidiarinya
- (i) Amaun potongan di mana kos saham perbendaharaan adalah lebih rendah daripada amaun yang dicaj semula

Sebuah syarikat subsidiari mungkin melakukan perbelanjaan untuk membayar kepada syarikat induknya amaun yang melebihi kos memperoleh saham perbendaharaan oleh syarikat induk. Dalam kes sedemikian, potongan yang dibenarkan kepada syarikat subsidiari adalah terhad kepada kos memperoleh saham perbendaharaan ditolak amaun yang kena dibayar oleh pekerja syarikat subsidiari.

- (ii) Amaun yang kena dibayar oleh pekerja adalah lebih tinggi daripada kos saham perbendaharaan atau amaun caj semula

Jika amaun yang kena dibayar oleh pekerja subsidiari adalah lebih tinggi daripada kos sebenar yang dibayar oleh syarikat induk ke atas saham perbendaharaan atau amaun yang dicaj semula, yang mana rendah, tiada potongan dibenarkan kepada syarikat subsidiari tersebut.

- (iii) Saham perbendaharaan tidak digunakan untuk manfaat pekerja

Syarikat induk mungkin caj semula syarikat subsidiari untuk saham perbendaharaan yang dipindahkan sebelum skim opsyen saham pekerja dilaksanakan atau skim *share award* terletak kepada pekerja syarikat subsidiari. Ini bermaksud saham perbendaharaan tersebut belum lagi digunakan oleh syarikat subsidiari untuk manfaat pekerjanya. Oleh itu tiada potongan dibenarkan kepada syarikat subsidiari pada masa caj semula dibuat. Potongan hanya akan dibenarkan apabila saham tersebut dipindahkan kepada pekerja.

- (iv) Liabiliti untuk membayar caj semula saham perbendaharaan yang digunakan untuk manfaat pekerja

Dalam sesetengah keadaan, syarikat induk mungkin memindahkan saham perbendaharaan kepada syarikat subsidiari tetapi hanya caj semula syarikat subsidiari selepas syarikat subsidiari menggunakan saham perbendaharaan tersebut untuk manfaat pekerja. Dalam keadaan tersebut, syarikat subsidiari mungkin menuntut potongan hanya apabila ia perlu membayar kepada syarikat induk untuk saham yang dipindahkan.

(v) Tarikh caj semula

Tarikh caj semula adalah tarikh invoice atau tarikh di mana syarikat subsidiari perlu membayar kepada syarikat induk untuk saham perbendaharaan yang dipindahkan, yang mana terkemudian. Lanjutan tempoh masa untuk membuat bayaran yang diberikan oleh syarikat induk kepada syarikat subsidiari adalah semata-mata peraturan yang dibuat antara syarikat induk dan syarikat subsidiari dan ia tidak memberi kesan kepada tarikh caj semula untuk tujuan cukai.

- (c) Berikut adalah ilustrasi untuk menunjukkan potongan yang dibenarkan bagi pemindahan saham perbendaharaan daripada syarikat induk kepada syarikat subsidiari di bawah skim saham pekerja.

**Contoh 3**

Gayat Tinggi Holding Bhd adalah syarikat induk kepada Rendah Leper Sdn. Bhd. Gayat Tinggi telah membeli semula 60,000 unit sahamnya sendiri pada harga RM2.00 seunit daripada pasaran terbuka pada 6.7.2013. Pada 30.7.2013, Gayat Tinggi telah memindahkan kesemua saham tersebut kepada Rendah Leper dengan harga RM240,000. Rendah Leper menawarkan kepada pekerjanya saham tersebut pada nilai RM1.00 seunit pada 1.11.2013 dan pekerja melaksanakan opsi pada tarikh yang sama.

Kos saham perbendaharaan adalah perbandingan antara kos sebenar dan amaun yang dicaj, yang mana rendah setelah ditolak amaun yang dibayar oleh pekerja.

	RM
Kos sebenar yang dilakukan (RM2.00 X 60,000)	120,000
Amaun caj semula	240,000
<b>Kos saham perbendaharaan</b> (amaun yang rendah)	120,000
Tolak: Bayaran oleh pekerja	<u>(60,000)</u>
<b>Perbelanjaan yang dibenarkan</b> (Rendah Leper Sdn. Bhd)	<u>60,000</u>

Nota:

- (a) Caj semula oleh syarikat induk kepada syarikat subsidiari adalah lebih iaitu sebanyak RM120,000 (RM240,000 tolak RM120,000). Syarikat induk akan dikenakan cukai ke atas lebihan ini jika syarikat menjalankan urusan perniagaan pengendalian saham. Jika syarikat induk menjalankan perniagaan selain daripada pengendalian saham, lebihan tersebut merupakan pendapatan modal kepada syarikat.



- (b) Jika caj semula oleh syarikat induk kepada syarikat subsidiari adalah kurang daripada kos sebenar saham perbendaharaan, potongan yang dibenarkan kepada syarikat subsidiari adalah amaun caj semula yang lebih rendah.
- (c) Dalam kes syarikat induk membeli semula sahamnya untuk diberi kepada pekerja syarikat subsidiari, tarikh syarikat subsidiari layak untuk potongan adalah tarikh saham dipindahkan oleh syarikat induk kepada pekerja syarikat subsidiari atau pada tarikh bayaran dibuat oleh syarikat subsidiari kepada syarikat induk, yang mana terkemudian.

#### **Contoh 4**

Fakta adalah sama seperti di Contoh 3. Walau bagaimanapun, bayaran yang dibuat oleh pekerja apabila melaksanakan opsyen pada 1.11.2013 adalah sebanyak RM130,000 dan bukan RM60,000.

Kos saham perbendaharaan adalah perbandingan di antara kos sebenar dan amaun caj semula, yang mana lebih rendah setelah ditolak amaun yang dibayar oleh pekerja.

	RM
Kos sebenar yang dilakukan (RM2.00 X 60,000)	120,000
Amaun caj semula	240,000
<b>Kos saham perbendaharaan</b> (amaun yang rendah)	120,000
Tolak: Bayaran oleh pekerja	<u>(130,000)</u>
<b>Perbelanjaan yang dibenarkan</b> (Rendah Leper Sdn. Bhd)	<u>TIADA</u>

Tiada potongan dibenarkan kepada Rendah Leper Sdn Bhd kerana bayaran oleh pekerja Rendah Leper (RM130,000) adalah lebih tinggi daripada kos sebenar saham perbendaharaan syarikat induk atau amaun caj semula, yang mana rendah [seperti diterangkan dalam perenggan 7.7(b)(ii) di atas].

- 7.8 Berikut adalah ilustrasi yang menunjukkan potongan kos saham perbendaharaan daripada punca / punca-punca perniagaan.

#### **Contoh 5**

Fakta adalah sama seperti di Contoh 3 kecuali Gayat Tinggi Holding dan subsidiarinya Rendah Leper adalah syarikat pemegang pelaburan tersenarai. Pendapatan perniagaan Rendah Leper daripada punca pendapatan berikut bagi tahun taksiran 2013 (tempoh asas Januari hingga Disember setiap tahun) adalah seperti di bawah:

<b>Punca Pendapatan</b>	<b>Pendapatan Kasar (RM)</b>	<b>Perbelanjaan Langsung (RM)</b>
Sewa	200,000	80,000
Faedah	50,000	60,000
Jumlah	250,000	

Perbelanjaan bersama	RM20,000
Elaun modal	RM8,000
Kos saham perbendaharaan	RM60,000

**Pengiraan Pendapatan Agregat Rendah Leper**

			<b>RM</b>	<b>RM</b>
(a)	Perniagaan sewa (kasar)		200,000	
	Tolak:			
	Perbelanjaan langsung	80,000		
	Perbelanjaan bersama			
	<u>200,000</u> X 20,000			
	250,000	16,000		
	<b>Kos saham perbendaharaan</b>			
	<u>200,000</u> X 60,000			
	250,000	<b>48,000</b>	<u>144,000</u>	
	Pendapatan larasan sewa		56,000	
	Tolak:			
	Elaun modal			
	<u>200,000</u> X 8,000			
	250,000		<u>6,400</u>	
	Pendapatan berkanun sewa			49,600
(b)	Faedah (kasar)		50,000	
	Tolak:			
	Perbelanjaan langsung	60,000		
	Perbelanjaan bersama			
	<u>50,000</u> X 20,000			
	250,000	4,000		
	<b>Kos saham perbendaharaan</b>			
	<u>50,000</u> X 60,000			
	250,000	<b>12,000</b>		
		76,000		
		Terhad	<u>50,000</u>	50,000
	Rugi tahun semasa (diabaikan)	26,000		
	Pendapatan larasan / Pendapatan berkanun faedah			TIADA

Tolak: Elaun modal(diabaikan) <u>50,000</u> X 8,000 = 1,600 250,000 Pendapatan berkanun faedah				TIADA
Pendapatan agregat				49,600

Amaun yang boleh ditolak berjumlah RM60,000 untuk kos saham perbendaharaan dibahagikan dan dibenarkan kepada kedua-dua punca pendapatan. Elaun modal yang tidak dapat diserap berjumlah RM1,600 dan perbelanjaan yang tidak dapat diserap berjumlah RM26,000 (RM76,000 tolak RM50,000) diabaikan [perenggan 60FA(3)(a)(ii), ACP 1967].

### Contoh 6

Fakta adalah sama seperti di Contoh 5 kecuali Rendah Leper, sebuah syarikat pemegang pelaburan yang tersenarai di Bursa Malaysia juga menjalankan aktiviti perniagaan (bukan sebagai aktiviti utama) dan menerima fi pengurusan selain daripada pendapatan sewa dan faedah. Pendapatan perniagaan Rendah Leper bagi tahun taksiran 2013 daripada punca berikut (tempoh asas Januari hingga Disember setiap tahun) adalah seperti di bawah:

<b>Punca Pendapatan</b>	<b>Pendapatan Kasar (RM)</b>	<b>Perbelanjaan Langsung (RM)</b>
Fi pengurusan	45,000	48,000
Sewa	150,000	80,000
Faedah	50,000	42,000
Jumlah	245,000	

Perbelanjaan bersama	RM20,000
Elaun modal	RM8,000
Kos saham perbendaharaan	RM60,000



<p><b>Kos saham perbendaharaan</b>  <u>50,000</u> X 60,000            245,000</p>			
<p>Rugi tahun semasa (diabaikan)            Pendapatan larasan faedah            Tolak:            Elaun modal(diabaikan)  <u>50,000</u> X 8,000 = 1,633            245,000</p>	Terhad	<p><u>12,245</u>            58,327  <u>50,000</u>            8,327</p>	<p><u>50,000</u></p>
<p>Pendapatan berkanun faedah</p>			TIADA
<p>Pendapatan agregat            Tolak:            Rugi perniagaan tahun semasa            [subseksyen 44(2) ACP 1967]</p>			16,122
<p>Rugi di hantar ke hadapan</p>	Terhad		17,693
			<u>16,122</u>
			1,571
<p>Jumlah pendapatan/Pendapatan            bercukai</p>			<u>TIADA</u>

- (i) Amaun yang boleh ditolak berjumlah RM60,000 untuk kos saham perbendaharaan dibahagikan dan dibenarkan kepada semua punca pendapatan.
- (ii) Kerugian larasan daripada punca perniagaan fi pengurusan (bukan sebagai aktiviti utama) boleh ditolak daripada pendapatan agregat bagi tahun taksiran 2013. Lebihan kerugian larasan berjumlah RM1,571 yang tidak dapat diserap dalam tahun taksiran 2013 boleh di hantar hadapan dan ditolak daripada agregat pendapatan berkanun daripada punca perniagaan bagi tahun taksiran berikutnya. Elaun modal berjumlah RM1,469 yang tidak dapat diserap dalam tahun taksiran 2013 boleh dihantar hadapan ke tahun taksiran berikutnya.
- (iii) Perbelanjaan yang tidak dapat diserap berjumlah RM8,327 dan elaun modal yang tidak dapat diserap berjumlah RM1,633 bagi punca faedah diabaikan [perenggan 60FA(3)(a)(ii), ACP 1967].

Untuk penerangan lanjut berkenaan layanan cukai bagi syarikat pemegang pelaburan yang tersenarai di Bursa Malaysia, sila rujuk Ketetapan Umum No. 3/2011 bertarih 10.3.2011 bertajuk Syarikat Pemegang Pelaburan.

## 8. Ketidapkakaian Potongan Khusus

Potongan khusus di bawah seksyen 34D ACP 1967 tidak terpakai dalam keadaan berikut:

### 8.1 Saham terbitan baru

Syarikat yang menerbitkan saham baru untuk memenuhi tanggungjawab di bawah skim saham pekerja tidak melakukan apa-apa kos yang kesemuanya dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan. Penerbitan saham baru hanya mewakili pergerakan dalam akaun modal saham syarikat. Perbelanjaan yang diiktiraf di bawah MFRS 2 adalah nilai saksama saham pada masa saham dipindahkan kepada pekerja. Nilai pasaran saham syarikat tidak dianggap sebagai kos kepada syarikat. Lanya tidak mewakili tanggungjawab undang-undang atau kontrak untuk membayar amaun berkenaan seperti dikehendaki di bawah subseksyen 33(1) ACP 1967. Oleh itu, tiada kos sebenar yang dilakukan oleh syarikat untuk menerbitkan saham baru. Perbelanjaan yang diiktiraf di bawah MFRS 2 hanya merupakan kos **notional** kepada syarikat. Dengan itu, syarikat tidak layak menuntut potongan untuk kos menerbitkan saham baru tersebut.

### 8.2 Terbitan saham baru syarikat induk atau subsidiari

Syarikat yang menawarkan kepada pekerja terbitan saham baru syarikat induknya atau subsidiarinya di bawah skim saham pekerja tidak dibenarkan potongan ke atas kos berkaitan saham baru tersebut. Ini adalah konsisten dengan layanan seperti yang diterangkan dalam perenggan 8.1.

### 8.3 Waran

Syarikat tidak layak menuntut potongan untuk waran baru yang diterbitkan atau waran yang diperdagangkan sama ada oleh syarikat sendiri atau syarikat induk atau syarikat subsidiari untuk memenuhi tanggungjawabnya di bawah skim saham pekerja. Ini adalah disebabkan waran merupakan sekuriti yang diterbitkan untuk memberi hak kepada pemegang waran tetapi bukan kewajipan untuk memperoleh saham pada harga tertentu.

## 9. Untung Atau Rugi Ke Atas Pemindahan / Pelupusan Saham Perbendaharaan

Menurut MFRS 2, urusan yang melibatkan bayaran berasaskan saham yang diberi kepada pekerja boleh dinilai dengan merujuk kepada nilai saksama saham pada tarikh tawaran dibuat. Dalam kes syarikat tersenarai, nilai saksama adalah dianggap sebagai nilai pasaran.

Perbezaan antara harga belian dan nilai saksama saham perbendaharaan semasa pemindahan atau pelupusan saham perbendaharaan akan memberi kesan keuntungan atau kerugian. Untung atau rugi yang terbit daripada saham

perbendaharaan yang dipindahkan di bawah skim saham pekerja adalah tidak diambilkira untuk tujuan cukai. Potongan yang dibenarkan adalah berasaskan kos saham perbendaharaan tersebut. Berhubung dengan keuntungan atau kerugian yang terbit daripada pelupusan saham perbendaharaan tersebut, layanan cukai yang terpakai perlu ditentukan mengikut fakta bagi setiap kes.

### **Contoh 7**

Fakta adalah sama seperti Contoh 1 dan nilai pasaran saham syarikat pada 15.7.2013 adalah RM4.00 seunit.

Apabila saham perbendaharaan dipindahkan kepada pekerja semasa SOSP dilaksanakan pada 15.7.2013, keuntungan/kerugian atas pemindahan saham perbendaharaan adalah seperti berikut:

	RM	RM
Nilai saham perbendaharaan yang dipindahkan kepada pekerja pada 15.7.2013 (30,000 unit X RM4.00)		120,000
Kos pembelian saham perbendaharaan		
13.2.2013 - 20,000 unit X RM3.00	60,000	
15.5.2013 - 10,000 unit X RM2.00	<u>20,000</u>	<u>80,000</u>
Keuntungan / (Kerugian) daripada pelupusan saham perbendaharaan		<u>40,000</u>

Untung sebanyak RM40,000 terbit daripada saham perbendaharaan yang dipindahkan di bawah skim saham pekerja adalah tidak diambilkira untuk tujuan cukai.

## **10. Dokumen Yang Diperlukan**

Syarikat yang menuntut potongan untuk kos saham perbendaharaan yang dipindahkan kepada pekerja di bawah skim saham pekerja adalah dikehendaki untuk mengemukakan dokumen berkaitan semasa audit dijalankan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Antara dokumen yang diperlukan termasuk:

- (a) Butir-butir berkaitan skim saham pekerja (undang-undang kecil saham dan punca saham diperoleh).
- (b) Pengesahan bahawa tiada tuntutan dibuat untuk saham baru yang diterbitkan oleh syarikat atau syarikat induk dan tuntutan dibuat mengikut seksyen 34D ACP 1967.
- (c) Butir-butir saham perbendaharaan yang diperoleh (sumber dan tarikh pemerolehan, bilangan unit dan harga seunit).

- (d) Butiran kos saham perbendaharaan yang ditanggung berdasarkan kaedah FIFO, dan
- (e) Jumlah yang perlu dibayar oleh pekerja bagi saham yang dipindahkan kepada mereka.

## **11. Glosari**

- 11.1 “Harga tawaran” adalah harga yang perlu dibayar oleh pekerja bagi setiap saham yang ditawarkan di bawah skim saham pekerja.
- 11.2 “Opsyen” adalah pemberian hak ke atas sejumlah saham oleh majikan kepada pekerja pada sesuatu harga tertentu untuk dilaksanakan pada masa hadapan.
- 11.3 “Stok” bermaksud modal atau dana prinsipal yang diperoleh oleh syarikat melalui jualan saham.
- 11.4 “Syarikat awam” bermaksud sebuah syarikat selain dari syarikat sendirian.
- 11.5 “Tarikh boleh laksana” bermaksud tarikh pekerja boleh melaksanakan hak (yang telah diberi oleh majikan) untuk memperoleh saham syarikat.
- 11.6 “Tarikh laksana” bermaksud tarikh pekerja melaksanakan hak (yang telah diberi oleh majikan) untuk memperoleh saham syarikat.
- 11.7 “Tarikh tawaran” bermaksud tarikh di mana majikan menawarkan kepada pekerja opsyen untuk memperoleh saham dalam syarikat, syarikat induk atau syarikat subsidiari.
- 11.8 “Terletak hak” bermaksud mempunyai hak mutlak ke atas saham.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**